

Salonpas®-HOT Patch

Glycol Salicylate 3.0% w/w, Capsicum Extract 0.28% w/w (Capsaicin 0.014% w/w)

Apakah yang ada dalam risalah ini

1. Apakah kegunaan Salonpas®-HOT Patch
2. Bagaimana Salonpas®-HOT Patch berfungsi
3. Sebelum menggunakan Salonpas®-HOT Patch
4. Cara menggunakan Salonpas®-HOT Patch
5. Semasa menggunakan Salonpas®-HOT Patch
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Salonpas®-HOT Patch
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Salonpas®-HOT Patch

Produk ini digunakan untuk melegakan sengal-sengal dan kesakitan yang berkaitan dengan sakit belakang, *arthritis*, ketegangan otot, lebam, terseliuh.

Bagaimana Salonpas®-HOT Patch berfungsi

Produk ini mengandungi dua bahan aktif iaitu *glycol salicylate* dan ekstrak kapsium. Ekstrak kapsium mengandungi bahan yang dikenali sebagai kapsaisin. *Glycol salicylate* dan kapsaisin adalah pelega kesakitan topikal yang bantu mengalihkan perhatian daripada perasaan sengal-sengal / kesakitan dalam otot dan sendi.

Sebelum menggunakan Salonpas®-HOT Patch

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan:

- jika anda mempunyai alahan terhadap *glycol salicylate*, kapsaisin, *aspirin* atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam produk ini (disenaraikan dalam Maklumat Lanjut).
- pada kulit yang luka atau tercedera.
- dengan pad pemanas.
- pada kanak-kanak bawah umur 2 tahun.

- Sebelum menggunakan Salonpas®-HOT Patch

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum penggunaan jika anda alah terhadap mana-mana produk kegunaan luaran.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Wanita yang sedang menyusui dinasihatkan untuk mengelak penggunaan pada kawasan dada atau mana-mana kawasan kulit yang boleh bersentuhan dengan anak yang menyusui.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Disebabkan produk ini mengandungi *glycol salicylate*, anda dinasihatkan untuk mengambil perhatian jika anda mengambil *warfarin*, sesuatu ubat yang mencegah pembekuan darah (Penggunaan yang berlebihan boleh meningkatkan risiko pendarahan).

Cara menggunakan Salonpas®-HOT Patch

Untuk kegunaan luaran sahaja.

- Berapa banyak harus digunakan

Orang dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke-atas: Bersihkan dan keringkan kawasan yang sakit. Tanggalkan pelapik. Jangan gunakan lebih daripada 3 hingga 4 kali sehari pada kawasan yang sama.

Kanak-kanak berumur 2 hingga 12 tahun: Dapatkan nasihat doktor.

- Bila perlu digunakan

Guna hanya seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Tanggalkan penampal daripada kulit selepas 8 jam.

Elakkan penggunaan pada kawasan kulit yang besar.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan produk ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Gunakan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya adalah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian menggunakan produk ini mengikut jadual seperti biasa. Jangan gunakan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan penampal yang berlebihan boleh menyebabkan rasa mual atau muntah. Hentikan penggunaan, bersihkan kawasan yang ditampal dengan air bersih dan dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

Semasa menggunakan Salonpas®-HOT Patch

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan produk ini.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan produk ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan produk ini kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai

simptom atau keadaan yang sama dengan anda.	Produk ini mudah dibuka oleh kanak-kanak. Jika tertelan, sila dapatkan bantuan perubatan dengan segera.	Nombor Siri NPRA (R2) 24/157
Hentikan penggunaan sekurang-kurangnya sejam sebelum mandi dan jangan guna produk ini segera selepas mandi.	- <u>Pelupusan</u> Ubat-ubatan tidak patut dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.	
- <u>Perkara yang perlu diberi perhatian</u> Elakkan daripada terkena mata, membran berlendir (mana-mana tempat yang merah pada badan seperti dalam mulut) atau ruam.		
Sila berjumpa dengan doktor secepat mungkin jika keadaan bertambah teruk, kesakitan masih dirasakan selepas 7 hari, atau kesakitan hilang dan timbul lagi dalam masa beberapa hari.	Maklumat lanjut	
Kesan-kesan sampingan	- <u>Rupa dan warna produk</u> Produk ini adalah sekeping plaster, yang terdiri daripada kain utama yang berputih, bahan pelekat berwarna kuning atau coklat pucat dan pelapik, dan mempunyai pori-pori kecil.	
Seperti ubat-ubatan lain, produk ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.	- <u>Bahan-bahan kandungan</u> - Bahan-bahan aktif: Glycol Salicylate 3.0% w/w Capsicum Extract 0.28%w/w (Capsaicin 0.014% w/w)	
Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.	- Bahan-bahan tidak aktif: Polyisobutylene, Polybutene, Getah Mentah, Hydrogenated Rosin Glycerol Ester, Maleated Rosin Glycerin Ester, Zinc Oxide, Hydrated Silicon Dioxide, Isopropyl Myristate, Titanium Oxide dan Dibutylhydroxytoluene	
Hentikan penggunaan dan rujuk kepada doktor jika reaksi kulit seperti kemerahan, gatal-gatal, ruam, kerengsaan yang berlebihan, rasa pedih, bengkak, atau melepuh berlaku.	- <u>Nombor MAL</u> MALXXXXXXXXXX	
Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers→ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].	Pengilang Hisamitsu Pharmaceutical Co., Inc. 408 Tashirodaikan-machi, Tosu, Saga, Japan	
Cara penyimpanan dan pelupusan Salonpas®-HOT Patch	Pemegang Pendaftaran Produk Hisamitsu Pharmaceutical Malaysia Sdn. Bhd.	
- <u>Penyimpanan</u> Simpan di bawah suhu 30°C dan di tempat yang kering.	Unit 18-7, Tower A, Vertical Business Suite Avenue 3, Bangsar South, No.8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia	
Elakkan daripada cahaya matahari.		
Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.	Tarikh kemas kini RiMUP 10/1/2025	